

Perangi berita palsu usaha semua pihak

Masih ada segelintir rakyat Malaysia sengaja menyebarkan berita palsu mengenai COVID-19 atau berkaitan vaksin untuk mengekang penuliran virus itu.

Hal ini tidak boleh dipandang enteng oleh mana-mana pihak. Isu penyebaran berita palsu ibarat barah dalam kalangan rakyat sejak setahun lalu.

Persoalannya, mengapa masih terdapat individu menyebarkan berita palsu? Yang jelas, beberapa faktor menjadi penyebab.

Setengah individu sengaja menyebarkan berita palsu untuk menarik trafik internet bagi tujuan pendapatan daripada pengiklanan.

Semakin banyak trafik internet diterima sesebuah laman sesawang atau laman media sosial, semakin banyak pihak akan mengiklankan produk dan servis mereka melalui medium itu.

Selain itu, berita palsu mungkin disebarkan atas faktor peribadi seperti untuk tujuan membahayakan reputasi individu atau perniagaan.

Beberapa medium digunakan pelaku untuk tujuan penyebaran berita palsu. Selain akaun media sosial, platform beli-belah dan perkongsian video dalam talian juga menjadi sasaran.

Lantas, langkah proaktif perlu dikenal pasti dalam membanteras masalah ini. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh

mengambil tindakan tegas terhadap pelaku dengan mengenal pasti laman sesawang atau akaun media sosial digunakan untuk menyebarkan dakwah berita palsu ini.

Pesalah boleh dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Satu laman web khusus juga dibangunkan SKMM iaitu 'sebenarnya.my' sebagai pusat sehati bagi orang ramai menyemak maklumat mengenai berita tidak ditentusahkan yang diterima dalam talian.

Tanggungjawab juga digalas setiap individu untuk melaporkan berita palsu kepada SKMM.

Sesiapa yang terlihat atau terbaca berita palsu di media sosial, hendaklah menjalankan tanggungjawab sosial dengan melaporkan nama pelaku, tajuk berita, tarikh dan platform digunakan dalam penyebaran berita itu.

Seperti sedia maklum, kerjasama rakan media juga amat penting dalam menangani isu ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sendiri memaklumkan pengamal media perlu memainkan peranan dalam membanteras dan menghalang penerbitan berita palsu.

Pengamal media adalah vaksin yang amat penting dalam melawan penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19.

Di satu sudut lain, isu berita palsu juga boleh ditangani melalui pendidikan berterusan oleh pihak tertentu seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui penerapan kesedaran sivik dalam diri setiap individu.

tiap individu.

Kempen kesedaran ini amat penting supaya orang ramai lebih cakna dalam berkongsi maklumat diterima.

Mereka harus peka dengan maklumat diterima dan menentusahkan sumber maklumat berita sebelum berkongsi dan menyebarkan berita itu.

Pendidikan celik media juga perlu diterapkan kepada semua golongan, terutama pelajar pada peringkat sekolah menengah dan universiti.

Mereka perlu diajar tentang kepentingan celik digital, menjadi pengguna bijak di laman sosial, menjadi pencipta kandungan dan pengguna yang bertanggungjawab serta tahu impak penyebaran berita palsu kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara dalam konteks lebih menyeluruh.

Pada peringkat akademia, penyelidikan boleh dijalankan untuk mengkaji perbezaan dalam cara individu berbeza usia, latar belakang sosial serta jantina menggunakan dan bertindak balas terhadap berita palsu.

Daripada penyelidikan ini, satu penyelesaian lebih efektif dan konstruktif meliputi aspek latar belakang individu dapat dikenal pasti.

Ringkasnya, suatu yang dapat disangkal bahawa kerjasama semua pihak amat penting dalam mengekang penyebaran berita palsu COVID-19 di Malaysia.

Penulis adalah Pensyarah, Jabatan Komunikasi dan Media, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)



**Dr Farah
Fazlinda
Mohamad**

**SKMM sedia
laman web
'sebenarnya.my'**
sebagai pusat
sehati orang
ramai semak
maklumat
berita tidak
ditentusahkan
yang diterima
dalam talian.

